

# Masalah banjir belum diatasi

S.H 7/10/08 M/S 5

■ SYAIRI SHAARI

**KUALA LUMPUR** – Hujan lebat sejak jam 3 pagi menyebabkan kawasan perumahan Jalan Air Kolam Air, Jalan Ipoh dilanda banjir kilat pada Sabtu lalu.

Hujan lebat itu menyebabkan air naik mendadak dan melimpah masuk ke rumah kediaman sehingga menjejaskan lebih 50 rumah. Bagaimanapun, tiada penduduk yang diarahkan berpindah kerana air surut menjelang pagi pada hari tersebut.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua yang kecewa dengan kejadian tersebut berharap tindakan segera dapat diambil dengan segera agar perkara ini tidak berulang lagi.

“Kejadian banjir kilat kerap berlaku dan masalah ini telah banyak kali diadukan kepada pihak berkuasa namun ia masih tetap berlaku.

“Jadi dalam hal ini, saya meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat mengumumkan pelan yang lebih menyeluruh untuk membanteras banjir di kawasan Kuala Lumpur bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang,” katanya.

Beliau juga mengkritik fungsi dan tujuan pembinaan terowong pintar (Smart Tunnel)

yang tidak memainkan peranan sebagai mencegah banjir bagi kawasan Kuala Lumpur.

“Projek bernilai RM1.9 bilion itu sepatutnya dapat mengelak perkara ini berlaku tetapi projek malangnya kos berbilion ringgit ini tidak dapat memainkan fungsi sepenuhnya,” katanya.

Tambahnya, beliau turut meminta DBKL supaya menaiktarafkan parit besar di Kawasan Parlimen Batu dalam menangani banjir terutama di kampung-kampung tradisi.

“Perkara ini harus dilakukan dengan segera kerana ia bukan sahaja dapat mencegah banjir kilat tetapi juga mencegah penyakit seperti denggi dan mengelak perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada penduduk,” katanya.

Mangsa banjir kilat, Tan Kam Soon 51, berkata, beliau menyedari paras air mula naik di pekarangan rumahnya ketika bangun kira-kira pada jam 5 pagi.

“Ketika bangun, saya mendapati hujan lebat dan perasan air mulai melimpah masuk rumah dengan cepat malah sesetengah rumah tidak sempat mengangkat barangan elektrik, perabot dan pelbagai perkakas lain,” katanya.

Menurutnya, penduduk-penduduk kawasan ini sering mengeluh kerana sejak dua bulan lalu, kawasan ini dilanda



Inilah situasi yang terpaksa dihadapi penduduk di sini setiap kali berlakunya hujan lebat.

banjir kilat sebanyak empat kali dan tiada pihak yang menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Tambahnya, Sungai Batu yang berdekatan dengan

kawasan perumahan mereka sudah lama tidak dibersihkan dan terdapat lengcongan sungai yang menyebabkan air naik mendadak setiap kali hujan.

“Jadi saya berharap DBKL

dapat segeramengatasi masalah ini dengan menyelenggarakan sistem saliran sungai tersebut supaya apabila hujan air dapat mengalir dengan mudah,” katanya.